

MESYUARAT AGUNG KEJASA KALI KE-12

26 Julai 2022 | Kelab Kebajikan dan Rekreasi Sukan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (KEJASA) telah mengadakan Mesyuarat Agung Kali ke-12 dalam penggal pertama bagi Ahli Jawatankuasa lantikan tahun 2022/2023 yang bertempat di Klana Resort Seremban pada 22 Julai 2022 yang lalu.

Mesyuarat ini diadakan bagi membentangkan Minit Mesyuarat Kali ke-11, Laporan Kewangan bagi Tahun 2021 dan Laporan Aktiviti yang telah diadakan oleh KEJASA sepanjang tahun 2021 sehingga kini.

Disamping itu juga, KEJASA turut mengadakan Majlis Apresiasi "Jasamu Dikenang" bagi meraikan kakitangan yang telah bersara dan yang telah bertukar keluar ke Jabatan lain. Pihak AJK KEJASA dan Jabatan mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala sumbang bakti yang telah diberikan sepanjang berkhidmat di JKSNS. Semoga kakitangan ini akan terus maju jaya di tempat kerja yang baharu.

Barisan Jawatankuasa KEJASA sangat menghargai komitmen kehadiran ahli-ahli KEJASA yang hadir pada hari ini.

GALERI





